

GARIS PANDUAN PELANTIKAN JAWATANKUASA BADAN PELAJAR SESI 2020/2021

Pelantikan Badan Pelajar MESTILAH berpandukan kepada AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (PINDAAN) 2012 tatacara penubuhan badan pelajar.

1. Jumlah minimum bagi Jawatankuasa Penaja sesebuah badan pelajar baharu ialah seramai 10 orang dan berbilang kaum. (Seperti termaktub dalam AUKU).
2. Empat (4) Jawatan Tertinggi yang wajib dilantik adalah :
 - a. **Pengerusi / Presiden** - **Seorang**
 - b. **Timbalan Pengerusi / Timbalan Presiden** - **Seorang**
 - c. **Setiausaha** - **Seorang**
 - d. **Bendahari** - **Seorang**
3. Badan Pelajar boleh menambah lagi perjawatan lain mengikut keperluan dengan melantik 6 orang jawatankuasa lain.
4. Jumlah kesemua yang terlibat dalam pengurusan Badan Pelajar berkaitan adalah seramai 20 orang berikutan UMP mempunyai 2 Kampus.
5. Badan Pelajar perlu membuat permohonan kepada Timbalan Naib Canselor, HEPA sekiranya ingin melantik lebih daripada 20 keahlian jawatankuasa.
6. Badan Pelajar yang telah melantik **LEBIH** daripada 20 orang keahlian perlu memberikan surat justifikasi kepada Timbalan Naib Canselor, HEPA.
7. Jika didapati Badan Pelajar **GAGAL** menjalankan aktiviti yang berimpak dalam tempoh lantikan markah merit bagi jawatan tersebut tidak akan dikira.
8. Surat ingatan berkaitan penganjuran aktiviti akan dikeluarkan sebelum tarikh penutupan kiraan merit dijalankan.